

Nilai pusat pendidikan negara

BH - 09/07/07

TAMPIN: Kementerian Pelajaran mensasarkan kawasan Pusat Pendidikan di Nilai, dekat Seremban yang akan dibina dengan belanja sekitar RM1.2 bilion menjadi pusat kecemerlangan pendidikan negara pada masa depan.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata sasaran murni itu terkandung dalam pelan 10 tahun akan datang menerusi dua perancangan menerusi Rancangan Malaysia Ke-10 dan 11.

"Kita berharap pelan dirangka itu merintis kepada perubahan dalam sistem pendidikan negara yang lebih mapan dan berdaya saing terutama dalam melahirkan lebih ramai pelajar dan guru yang berwibawa serta berkaliber," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri Umno Bahagian Tampin di Dewar Bandaran Tampin, di sini semalam.

Hishammuddin yang juga Ketua Pergerakan Pemuda Umno berkata, bagi mencapai sasaran itu, pusat yang akan dibina itu turut merangkumi dan menekankan aspek kepemimpinan, guru, penguasaan bahasa dan sekolah cemerlang.

Sehubungan itu, katanya, beberapa kampus induk institut dan kolej yang sudah terbukti cemerlang seperti Institut Aminuddin Baki (IAB), Institut Bahasa Inggeris, Institut Pendidikan Guru serta Kolej Tunku Kurshiah (TKC) akan ditempatkan di pusat berkenaan.

Sementara itu, ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Pemuda Umno Bahagian Gombak di Taman Melawati, dekat sini, semalam, beliau berkata, sebuah sekolah terkenal di Beijing bercadang membuka cawangan pertama di negara ini tidak lama lagi bagimengembangkan sayapnya ke luar negara.

Katanya, permohonan itu diterima baru-baru ini dan sedang diteliti.

Sambil mengalu-alukan minat yang ditunjukkan oleh sekolah terbabit, beliau menyifatkan ia sebagai satu pengiktirafan terhadap kedudukan Malaysia sebagai lokasi strategik atau hub pendidikan di rantau ini. //